

16 DEC 1998
Aziz-Penjajahan
RAKYAT PERLU BIJAK MENGISI KEMERDEKAAN

KUALA TERENGGANU, 16 Dis (Bernama) -- Rakyat perlu bijak mengisi kemerdekaan jika mereka tidak mahu dijajah semula dalam bentuk baru, kata Datuk Abdul Aziz Samsuddin, setiausaha politik kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, kemerdekaan yang dikecapi negara sejak 41 tahun lalu tidak bermakna jika tidak dipertahankan oleh rakyat, dengan menolak sebarang campur tangan asing, yang cuba menjajah semula negara ini.

"Oleh kerana itu, rakyat mesti berhati-hati dengan penjajahan bentuk baru ini, dan jika kita leka dan terpengaruh dengan tindakan mereka, maka negara ini akan menuju kehancuran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ceramah perdana isu-isu semasa anjuran Pergerakan Pemuda UMNO negeri Terengganu di sebuah hotel terkemuka di sini, petang semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Exco Pemuda UMNO Kebangsaan, Zien Isma Ismail, Ketua Pemuda UMNO negeri, Abdul Rahin Datuk Mohd Said, Naib Ketua Pemuda negeri, Dr Ramli Taib dan ketua-ketua pergerakan Pemuda UMNO bahagian.

Abdul Aziz berkata, reformasi yang dilaungkan segelintir rakyat di negara ini sekarang, tidak lebih daripada sorakan rakyat yang telah pun merdeka, sedangkan reformasi telah dilakukan oleh generasi terdahulu yang bangkit menentang penjajah.

"UMNO sebagai tulang belakang kemerdekaan negara telah mengalami pelbagai dugaan dan cabaran yang lebih sengit daripada isu yang diperkatakan sekarang," katanya.

Adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk mengisi kemerdekaan dan bukannya menjadi alat kepada pihak lain, yang mempunyai niat tertentu terhadap negara, katanya.

Sehubungan itu katanya, UMNO perlu dipertahankan kerana ia mampu membela nasib negara dan bangsa Melayu.

--BERNAMA
AYB RI